

# PBB forum terbaik

BH 12 JUN 2002

GENEVA, Selasa - Penyelesaian terhadap isu antarabangsa perlu dibincangkan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), bukannya di forum yang lebih kecil dan hanya membabitkan negara dan tempat tertentu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga berkata, isu antarabangsa perlu diselesaikan oleh masyarakat antarabangsa dan masyarakat antarabangsa ialah PBB.

"Bagi hanya segelintir negara untuk menyatakan apa yang harus ditegakan sebagai satu penyelesaian terhadap isu seperti perdagangan atau keselamatan, adalah satu proses yang tidak demokratik," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar di Palais des Nations di sini selepas menyampaikan ucapan di Persidangan Buruh Antarabangsa (ILC).

ILC yang membabitkan ketiga-tiga pihak iaitu pe-

kerja, kerajaan dan majikan dianjurkan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) setiap tahun di bangunan PBB itu.

Perdana Menteri ditanya pandangannya mengenai mesyuarat kumpulan negara maju G8, yang akan diadakan tidak lama lagi yang mungkin membuat ketetapan mengenai isu keselamatan berikutan serangan penganas terhadap Amerika Syarikat pada 11 September lalu.

## selesai isu antarabangsa

Dr Mahathir berkata forum PBB seperti ILO dan Pertubuhan Perdagangan Sedunia perlu bersedia mendengar pandangan semua pihak, termasuk negara kecil.

"Namun kini wujud kecenderungan untuk mengenakan tekanan kepada negara lemah untuk menerima pandangan tertentu.

"Negara kecil sepatutnya diberi peluang untuk menyuarakan pandangan mereka dan pandangan ini ha-

rus dihormati serta diambil kira dalam menentukan hala tuju proses globalisasi," katanya.

Pada sidang akhbar yang turut dihadiri wartawan antarabangsa yang membuat liputan ILC itu, Dr Mahathir menyentuh pelbagai isu termasuk isu Palestin.

Dr Mahathir berkata PBB perlu memainkan peranan sebagai pihak ketiga yang memisahkan secara fizikal pihak bertelagah Israel dan Palestin.

"Kita mahu Israel berundur dari kawasan Palestin dan pelarian Palestin dapat pulang sama ada di Palestin atau dalam Israel," katanya.

Perdana Menteri berkata Israel seharusnya tidak memburukkan lagi kegiatan keganasan dengan menghantar helikopter perangnya untuk melakukan keganasan terhadap Palestin.

"Penggunaan keganasan untuk mengakhiri kegana-

san adalah satu kesilapan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata strategi Israel untuk mewujudkan 'forward defence' dalam kawasan Palestin untuk mengelak kegiatan keganasan terhadapnya adalah satu langkah yang tidak menyelesaikan apa-apa masalah.

Langkah itu hanya bermakna sebuah negara lemah akan terus terpaksa tunduk kepada jirannya yang kuat.